

18/08/2002

Mengekalkan keunikan seni bina rumah Melayu

Azmi Md Deros

Antaranya, termasuk bahan batu atau simen lebih mudah diperolehi dan harganya lebih murah, berbanding membuat rumah papan yang harganya lebih mahal, terutama jika menggunakan kayu jenis baik, termasuk cengal, nyatuh dan meranti.

Malah ketika ini untuk mencari tukang yang mahir membuat rumah papan juga agak terhad dan jika ada pun hanya di kalangan generasi tua. Selain itu, membina rumah batu juga dikatakan lebih selamat kerana ia tidak mudah terbakar atau reput serta sukar dipecah masuk, berbanding papan.

Fenomena itu menyebabkan keindahan seni bina tradisional rumah Melayu yang menjadi kebanggaan kita sejak turun temurun semakin dilupai.

Bagi memartabatkan kembali keindahan seni bina tradisional rumah Melayu yang berasal dari negeri-negeri di seluruh negara, seorang peminat seni bina berkenaan mengusahakan bengkel membuat replika rumah tradisional Melayu di rumahnya di Kampung Mendok, Sahum, dekat Kampar, Perak.

Walaupun tidak begitu mahir bertukang membuat rumah tradisional Melayu, Abdullah Abu, 71, mahir menghasilkan replika rumah berkenaan sejak 1975.

Abdullah ketika ditemui Berita Minggu berkata, beliau menghasilkan replika berkenaan kerana tidak mahu seni bina tradisional Melayu yang penuh dengan kesenian serta simbolik yang mempunyai maksud tersendiri pupus ditelan zaman.

Ketika itu beliau yang bekerja sebagai pengawal keselamatan di Hospital Tapah hanya membuat replika rumah tradisional Melayu secara suka-suka untuk mengisi masa lapang.

Bagaimanapun, suatu hari Pegawai Daerah Tapah ketika itu menggalakkannya mengambil bahagian dengan menghantar sebuah replika rumahnya menyertai pertandingan yang diadakan sempena satu majlis di Tapah pada tahun berkenaan yang dirasmikan Menteri Pendidikan ketika itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Dalam pertandingan itu, saya dipilih sebagai johan dan replika rumah itu terus dibeli oleh Pegawai Daerah berkenaan dengan harga RM80 dan sejak itu minat untuk menghasilkan lebih banyak replika terus membara.

"Di samping menambah pendapatan, saya juga dapat mempromosikan keunikan seni bina Melayu tradisional supaya mendapat tempat di sanubari masyarakat supaya tidak pupus.

"Sejak itu saya mendapat banyak tempahan dari peminat kraftangan, termasuk dari Johor, Melaka, Kuala Lumpur, Pahang dan Pulau Pinang," katanya mengimbas kembali detik beliau mula terpaut dengan usaha berkenaan.

Abdullah atau lebih mesra dengan panggilan Pak Lah di kalangan penduduk kampung berkata, antara bahan utama yang digunakan membuat replika itu, termasuk buluh, kayu atau papan, kepingan plastik serta kotak terbuang.

"Tiang, bingkai dan dinding dibuat menggunakan buluh yang diraut teliti agar licin dan rata, manakala bumbungnya menggunakan lapisan dalam kotak yang berkedut yang mana apabila dicat nampak seperti zing.

"Langsir pula dibuat menggunakan riben, manakala lanskap dibuat menggunakan tumbuh-tumbuhan plastik dan pagar dibuat menggunakan jaring dawai.

"Hanya sedikit saja barang keperluan saya beli, manakala yang lain bahan terbuang yang boleh digunakan jika kita kreatif," katanya.

Setiap replika rumah yang lengkap dengan perabot asas di dalamnya mengambil masa kira-kira sebulan untuk disiapkan dan dijual dengan harga

antara RM300 dan RM400 sebuah. Apa yang istimewanya, semua replika yang dihasilkan beliau boleh dibuka bungkunya bagi membolehkan pemiliknya memasang aksesori tambahan, termasuk lampu.

Kebanyakan replika rumahnya bersaiz 30 sentimeter lebar dan 45 sentimeter panjang. Ia dilengkapi anjung, serambi, sebuah bilik, ruang tamu dan dapur seperti mana rumah tradisional Melayu lama.

Bagi membangkitkan suasana desa, Pak Lah turut melengkapkan hasil kerja tangannya dengan replika reban ayam, sampan, rumah lesung indik dan wakaf tempat berehat, bergantung kepada tempahan.

Katanya, replika rumah berkenaan akan nampak berseri jika dindingnya disapu varnis supaya ia berkilat dan nampak keaslian papannya.

Beliau bagaimanapun kecewa apabila generasi muda tidak lagi berminat untuk meneruskan usaha mengekalkan kesenian milik bangsa itu.

"Daripada sembilan anak saya juga, tiada seorang pun yang berminat mempelajari kemahiran ini, melainkan salah seorang menantu yang gemar membuat replika kapal layar dan kini tinggal di Melaka," katanya.